

28/03/2001

Iltizam pemimpin cipta kecemerlangan negara

Mohammad Salleh Ismail

KEBELAKANGAN ini, terlalu banyak pihak luar yang memberi pendapat mengenai Perdana Menteri Malaysia. Sebenarnya, memang mudah untuk mengkritik dan membuat pelbagai tanggapan terutama apabila bukan diri sendiri yang menerimanya. Bagaimanapun, adalah sesuatu yang memalukan apabila golongan ini hanya memilih untuk bercakap mengenai kontroversi dan melupakan sama-sekali pelbagai pencapaian dan pembangunan yang sudah dibawa oleh Perdana Menteri kepada negara.

Untuk berlaku adil kita harus memberikan penghargaan kepada yang layak. Ketika negara dilanda krisis kewangan pada 1997, Perdana Menteri dengan beraninya bertindak memperkenalkan langkah kawalan kewangan berpilih walaupun berbagai pihak tidak henti-henti mendakwa ia akan mendatangkan musibah. Begitupun, hakikatnya langkah kawalan berpilih itu terbukti berjaya melindungi Malaysia daripada padah krisis ekonomi itu yang menjejaskan dengan teruk negara jiran kita seperti Indonesia, Thailand dan Korea.

Dengan mengambil kira jalinan sosial negara yang kompleks dan membabitkan pelbagai kaum, Dr Mahathir amat peka dengan akibat jika terpaksa akur kepada IMF untuk bantuan kewangan. Pertumbuhan ekonomi Malaysia bukan hanya tertumpu kepada KDNK saja tetapi juga pengagihan saksama kekayaan kepada pelbagai komuniti masyarakat yang ada di Malaysia.

IMF tidak faham tentang kedudukan dalam negara kita dan tidak akan mampu mengurus ekonomi Malaysia dengan cara yang boleh menjaga kepentingan setiap golongan kaum dan perbezaan ketara antara mereka. Dr Mahathir, dengan keberanian dan kebijaksanaannya melaksanakan langkah kawalan berpilih yang dikecam hebat masyarakat dunia bukan saja berjaya mengelak negara daripada kancah krisis ekonomi, malah juga berjaya menghalang krisis sosial yang kini terus membelenggu negara yang menerima bantuan IMF.

Corak bantuan kewangan yang diberikan IMF kepada Indonesia bukan saja tidak berupaya menaikkan status ekonomi negara itu malah telah menyebabkan lebih 100 juta rakyatnya kini hidup di bawah paras kemiskinan. Thailand yang turut menerima bantuan IMF juga kini dalam keadaan yang hampir sama. Kadar pengangguran di negara itu bertambah buruk hingga sampai dua juta orang, suatu paras yang amat membimbangkan. Korea walaupun menunjukkan pertumbuhan KDNK yang agak baik kerana wang IMF, kini berdepan masalah pengangguran yang serius dengan semua syarikat besarnya menghadapi tekanan dijual kepada syarikat Amerika pada harga yang amat murah. Penjualan syarikat di Thailand, Indonesia dan Korea kepada syarikat Amerika pada harga yang lebih rendah daripada sepatutnya itu membuktikan IMF bertindak untuk kepentingan syarikat multinasional.

Kini, selepas dua setengah tahun krisis kewangan berlalu, IMF dan juga George Soros mula memuji Malaysia kerana telah melaksanakan kawalan modal secara berpilih. Tidak siapa boleh menafikan Dr Mahathir sudah membawa banyak pembangunan ke Malaysia. Beliau juga berjaya mengemukakan suara Malaysia ke peringkat dunia. Hari ini Malaysia tergolong di antara negara termaju di Asean dan kerajaan yang dipimpin oleh Dr Mahathir sudah merangka rancangan yang praktikal untuk negara melaksanakannya dengan serius. Malaysia mempunyai rancangan lima tahun, rancangan perspektif jangka panjang 20 tahun dan juga wawasan 30 tahun untuk masa depan.

Projek nasional Wawasan 2020 dirangka untuk menyediakan strategi jangka panjang bagi Malaysia. Rancangan itu adalah unik dan tidak pernah dirangka

oleh mana-mana kerajaan lain di dunia. Dr Mahathir memahami bahawa untuk menentukan Malaysia mencapai kecemerlangan sebagai sebuah negara, ia memerlukan lebih daripada rancangan ekonomi yang baik. Malaysia telah dijajah selama 450 tahun dan hanya mencapai kemerdekaan pada 1957. Lantas, Perdana Menteri menyedari bahawa bagi negara untuk terlepas dari bayangan kolonialisme, generasi muda perlu diterap dengan keyakinan yang tinggi dan mempunyai identiti sendiri. Pada pandangan orang luar, menghantar rakyat Malaysia ke Kutub Selatan dan mendaki Gunung Everest mungkin dianggap usaha sia-sia.

Hakikatnya, percubaan itu adalah usaha Perdana Menteri untuk melahirkan kebanggaan di kalangan rakyat dan bagi meyakinkan mereka bahawa masanya sudah tiba bagi negara ini untuk menyerlahkan diri. Apa yang jelas, jika kita berani mengidamkan yang mustahil dan sanggup berusaha gigih, kita boleh mencapainya. Dalam era globalisasi, keyakinan diri yang tinggi ini mampu merangsang rakyat Malaysia untuk mengejar kecemerlangan.

Senario ekonomi yang dapat dilihat sekarang, memberi gambaran jelas terhadap sumbangan kepimpinan Dr Mahathir. Berbanding dengan negara lain di rantau ini, Malaysia sudah pulih dengan cemerlang daripada krisis kewangan yang melanda Asia pada 1997. Ini jelas dapat dilihat dalam senarai untuk tahun 2000 yang disediakan oleh majalah Asiaweek di mana Malaysia berada di kedudukan ketujuh di kalangan negara yang mempunyai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar yang tinggi. Catatan pertumbuhan 7.7 peratus yang dicapai Malaysia untuk tahun itu adalah jauh lebih tinggi daripada sasaran rancangan dan lebih mampu dipertahankan daripada pertumbuhan 10-12 peratus yang dicatat sebelum ini.

Benar, Malaysia bukanlah satu negara yang sempurna. Lagipun negara mana di dunia ini boleh dianggap sempurna. Amerika Syarikat sekalipun tidak bersih daripada ketidakseimbangan atau diskriminasi kaum. Malaysia pada hari ini adalah jauh lebih aman daripada kebanyakan negara maju. Di bawah kepimpinan Dr Mahathir, keamanan ini terpelihara. Selepas satu-satunya pergaduhan kaum yang dialami negara pada 1969, Malaysia mengambil banyak langkah proaktif untuk memastikan kejadian sama tidak akan berulang. Berbekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kerajaan negara ini melaksanakan program penyusunan semula masyarakat yang sudah membolehkan rakyat daripada berbilang kaum untuk hidup dalam harmoni.

Kejayaan program berkenaan memastikan negara menikmati keamanan sejak 32 tahun yang lalu. Pada hari ini, ketiga-tiga kaum utama di negara ini Melayu, Cina dan India secara keseluruhannya menjalankan perniagaan dan menjalin perkongsian sesama sendiri. Tambahan, ramai rakyat asing yang bekerja di negara ini memilih untuk kekal lebih lama di sini dan menjadikan Malaysia sebagai rumah kedua mereka.

Di bawah kepimpinan, Perdana Menteri, Malaysia sudah mencapai apa yang hanya mampu dimimpikan oleh banyak negara lain: kemakmuran ekonomi dan perpaduan nasional dalam suasana politik yang stabil. Pencapaian berkenaan adalah cemerlang jika dibandingkan dengan pencapaian di mana-mana.